NUS National University of Singapore

**Source:** *Berita Harian,* p11
**Date:** 18 January 2023

# 3 aspek kerja yang jadi keprihatinan negara

## Pemerintah akur cabaran pekerja dan majikan, serta kesannya ke atas kompak sosial




**LUASKAN TAKRIF KERJA:** Pekerja di Singapura harus menerima takrif yang lebih luas tentang apa yang disifatkan sebagai pekerjaan yang baik, dan mengiktiraf kemahiran dan kecekapan dan bukannya "terlalu" memberi tumpuan kepada kelulusan akademik. – Foto BH oleh DESMOND WEE

PEKERJAAN, adalah tema yang sangat tepat pada masa ini, bagi Perspektif Singapura tahun ini.

Kerana, pekerjaan bukan hanya satu sumber pendapatan. Ia juga adalah maruah dan tujuan hidup.

Dan ia adalah penting untuk kompak sosial kita. Ia adalah pusat kepada sistem meritokrasi kita, di mana kita mahu setiap warga maju dan cemerlang, tidak kira titik permulaan kehidupan mereka.

Itulah sebabnya mengapa usaha menggalakkan bekerja menjadi bahagian penting dalam dasar-dasar ekonomi dan sosial pemerintah.

Pasaran pekerjaan yang sihat telah lama menjadi asas dalam pertumbuhan inklusif dan kesejahteraan yang dikongsi bersama di Singapura.

Tetapi, apabila persekitaran luaran kita dan sifat kerja kita itu sendiri berkembang, begitu jugalah dengan cabaran yang kita hadapi.

Hari ini, saya fikir saya ingin kongsi dengan anda tiga cabaran, dan juga menawarkan beberapa idea tentang bagaimana kita akan menanganinya.

### CABARAN

**1**

■ Cabaran pertama adalah masa depan pekerjaan. Kita semua ketahui bahawa kita hidup dalam tempoh perubahan, di mana kemajuan teknologi mengganggu industri di mana-mana saja.

Saya tidak percaya bahawa ini akan membawa kita ke arah pengangguran pada masa depan, satu masa depan *dystopian* yang diperkatakan sebahagian orang.

Saya tidak fikir ini akan berlaku, kerana di Singapura dan di kebanyakan negara lain yang maju dari segi ekonomi, masih terdapat banyak peluang pekerjaan daripada pekerja untuk mengisinya, dan robotik serta automasi akan membantu mengisi kekosongan itu.

Tetapi, corak pekerjaan itu akan berubah. Dan bukan semua orang akan mendapat faedah yang sama daripada perubahan teknologi ini.

Mereka yang memiliki kemahiran yang tepat, akan berupaya merebut peluang itu, dan menikmati ganjaran dengan sebaiknya.

Sementara mereka yang tidak berupaya membuat penyesuaian sudah tentu akan menghadapi lebih banyak cabaran.

Dan kerana itulah, kita perlu mengkaji semula dasar-dasar kita dan memperkukuh institusi kita demi menjamin agar para pekerja kekal sebagai teras bagi rakyat Singapura untuk berkembang maju.

**2**

■ Cabaran kedua adalah jaminan pekerjaan, terutama berkaitan dengan jaminan persaraan.

Di Singapura, kita mempunyai sistem Tabung Simpanan Pekerja (CPF) – yang berasaskan kepada usaha berdikari, and dibiayai oleh sumbangan daripada pekerja sendiri dan juga majikan mereka.

CPF menyediakan persaraan secara mampan. Kita telah mengelak daripada perangkap sistem pencen seperti di banyak negara lain, di mana kemerosotan kadar kelahiran dan bertambahnya bilangan warga tua, membuat pemerintah menjadi lebih sukar untuk membantu rakyatnya dalam memenuhi keperluan persaraan dari segi kewangan.

Pada masa yang sama, kita juga tidak membiarkan sistem CPF itu seperti adanya. Kita telah memilikinya bertahun-tahun lamanya.

Terutama, pemerintah telah memainkan peranan yang lebih besar dalam tahun-tahun kebelakangan ini, untuk membantu rakyat Singapura memperoleh dan menyimpan untuk keperluan persaraan.

Tetapi, dengan lebih banyak gangguan dan keadaan tidak menentu yang boleh kita jangkakan bagi ekonomi kita dan juga kehidupan kita, rakyat Singapura akan mendapati lebih sukar untuk terus menambah jumlah simpanan CPF mereka.

Maka kita harus menimbangkan apa yang boleh kita lakukan bersama untuk membantu rakyat Singapura dengan lebih baik dalam memenuhi keperluan persaraan mereka.

**3**

■ Cabaran ketiga adalah dalam memberi ganjaran pekerjaan – bagaimana kita boleh menjadikan ganjran lebih adil dan saksama.

Sejauh ini, kita berada dalam keadaan baik iaitu kita dapat mengekalkan pertumbuhan pendapatan di pelbagai peringkat dalam tenaga kerja kita, dengan kumpulan bergaji rendah menikmati pertumbuhan gaji sebenar yang lebih tinggi, berbanding dengan mereka yang bergaji pertengahan, atau yang bergaji lebih tinggi.

Dan inilah sebabnya mengapa pendapatan yang tidak setara di Singapura dapat dikecilkan jurangnya sepanjang dekad lalu.

Tetapi sekali lagi, kita boleh melakukan lebih baik lagi di beberapa bidang lain.

Sebagai contoh, kita ketahui bahawa gaji permulaan median bagi lulusan universiti sekitar dua kali lebih tinggi daripada lulusan ITE (Institut Pendidikan Teknikal), dan 1.5 kali berbanding lulusan politeknik.

Dan sementara beberapa di antara perbezaan ini boleh difahami, jurang yang terlalu luas boleh mengakibatkan banyak masalah.

Sebagai contoh, ada yang memilih tidak mahu memasuki bidang pekerja yang mereka terlatih, atau berasakan tekanan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah, hanya untuk mendapatkan gelaran, sekalipun tidak sejajar dengan keupayaan atau minat mereka.

Ia juga menjadi lebih sukar untuk memadankan pekerja dengan kemahiran yang mereka miliki untuk pekerjaan yang betul.

Semua ini memicu kepada persaingan dan mengejar ijazah, yang meningkatkan lagi kebimbangan dalam kalangan rakyat Singpura.

■ Jika tidak ditangani, kesemua cabaran yang telah saya gariskan secara ringkas boleh memberikan kesan yang tidak baik terhadap kompak sosial kita.

Kita telah melihat hal ini berlaku di tempat-tempat lain – apabila para pekerja mendapati diri mereka ketinggalan, atau mereka berasakan sesuatu sistem itu tidak adil, maka perasaan dendam mula tersemat, perpaduan sosial mula berkecamuk.

Dan kerana itulah pemerintah membuat kajian tentang apa yang boleh dilakukan untuk menangani perkara ini, dan memperkukuh impak sosial kita.

Hari ini, saya akan berkongsi dengan anda beberapa pemikiran tentang apa yang sedang kita fikirkan, dan saya berharap tentunya ingin mendengar pandangan dan perspektif anda dalam dialog kemudiannya.

### STRATEGI

■ Pertama, kita perlu menggandakan pelaburan modal kita dalam bidang kemahiran dan kemanusiaan.

Kita telah memulakannya dengan SkillsFuture beberapa tahun lalu. Kita telah mencapai banyak kemajuan sejak itu, tetapi masih banyak lagi yang perlu kita lakukan.

Terutama sekali, kita harus memperkukuh latihan kemahiran orang dewasa dan memperbaiki laluan ke arah pekerjaan yang lebih baik, dan ini harus menjadi tunggak bagi kompak sosial kita yang diperbaharui.

■ Kerana kita ketahui kebelakangan ini, kebanyakan pekerja mempunyai pelbagai kerjaya dalam hidup mereka; malah ada juga yang bekerja dengan majikan yang sama sepanjang hidupnya, pekerjaan yang mereka lakukan mungkin berubah dari masa ke semasa.

Para pekerja yang dipindahkan daripada pekerjaan awal mereka mendapati mereka berhadapan dengan masalah yang lebih besar – ada yang terpaksa beralih ke bidang yang baru sama sekali, tetapi mereka mendapatinya sukar untuk mengikuti latihan apabila mereka tidak bekerja dan mempunyai tanggungjawab menyara keluarga.

Maka akhirnya, mereka terpaksa menerima apa sahaja pekerja yang ada, sekalipun tidak sesuai bagi mereka.

■ Oleh itu, kita perlu menimbangkan bagaimana kita boleh memperkukuh sistem latihan dan kemahiran – bagi menyediakan lebih banyak bantuan kepada para pekerja, memberi mereka suntikan baru dari segi kemahiran, dan membantu mereka supaya lebih bersedia dalam melalui peralihan pekerjaan di bidang pertumbuhan yang baru.

Kita harus berhati-hati dalam memikirkan perkara ini, supaya ia tidak menghakis insentif untuk mereka bekerja.

Kita juga perlu menimbangkan perkara lain dalam ekosistem, bukan setakat apa yang telah dilakukan oleh pemerintah tetapi menambah pelaburan dalam bidang latihan dan menggalak para pekerja mengikuti lebih banyak latihan yang mendapat pengiktirafan.

■ Strategi kedua adalah untuk memperbaiki jaminan persaraan dan memastikan rakyat Singapura dapat memenuhi keperluan asas mereka apabila bersara.

Kita harus memahami akan perbezaan antara satu kumpulan dengan yang lain. Generasi Perintis dan Merdeka, kebanyakan sudah bersara.

Kumpulan yang lain pula adalah mereka yang berusia 50-an dan awal 60-an sekarang.

Beberapa langkah telah diperkenal untuk mereka kekal bekerja dan menambah simpanan CPF mereka.

Tetapi mereka ini juga tidak akan lama bekerja, menyimpan dan menikmati faedah daripada sistem CPF.

Inilah yang akan diteliti untuk mencari kaedah terbaik bagi membantu mereka memenuhi keperluan asas semasa bersara.

Bagi mereka yang baru memasuki pasaran pekerjaan dan para pekerja muda, mereka ini harus berusaha secara berterusan untuk meningkatkan kemahiran mereka.

Bagi mereka yang baru memasuki tenaga kerja serta pekerja lebih muda, mereka mempunyai laluan lebih panjang sebelum persaraan dan mereka harus mempunyai matlamat untuk terus bekerja dan mempertingkat kemahiran mereka secara konsisten.

Kami akan memberi perhatian lebih dekat kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Pada dasarnya, kami mahu meyakinkan semua warga Singapura bahawa selagi anda bekerja dan menyumbang secara konsisten kepada CPF anda, anda boleh memenuhi keperluan persaraan asas anda.

Dan bagi mereka yang tidak berupaya bekerja atau tidak mempunyai laluan untuk bekerja dan mengumpul simpanan menerusi CPF, kami akan mencari cara untuk menjaga anda.

Ketiga, kita harus melabur dalam pekerjaan bermutu tinggi dan menjadikan setiap pekerjaan berdaya maju dan setiap laluan dapat memberi ganjaran.

Kami mahu memberi tumpuan pada pekerjaan bagi lulusan ITE dan politeknik, dengan jurang gaji yang saya sebutkan sebelum ini.

Kami sedang bekerjasama dengan rakan kerja perusahaan untuk memberi lebih banyak pendedahan industri serta peluang bekerja sambil belajar bagi pelajar politeknik dan ITE dalam industri pilihan mereka.

Kita juga perlu menangani gaji permulaan dan kemajuan kerjaya bagi pelajar ini.

Ini bukan sahaja tentang langkah membentuk semula pasaran buruh; ia juga tentang usaha mengalihkan persepsi kita terhadap kerja, dan menerima takrif yang lebih luas tentang apa yang dikira sebagai 'pekerjaan yang baik'; untuk kita mengiktiraf kemahiran dan kecekapan daripada terlalu tertumpu kepada kelayakan kertas.

Menyedari visi ini akan memerlukan kita semua untuk melakukan peranan kita.

Majikan boleh melakukan lebih banyak lagi untuk mengupah, melatih dan mengiktiraf semua pekerja, bukannya menyekat dan menghalang mereka secara tidak adil berdasarkan kelayakan permulaan mereka.

Pengguna, yang bermaksud kita semua, mesti sanggup membayar lebih untuk barangan dan perkhidmatan tertentu, untuk menaikkan gaji mereka yang menyediakannya.

Pada asasnya, kita tidak boleh menuntut perkhidmatan yang disampaikan oleh warga kita diberi harga yang murah, dan pada masa yang sama mengeluh bahawa gaji mereka terlalu rendah.

Ia sama sekali tidak konsisten. Saya tahu ini bukan perbualan yang mudah untuk dilakukan sedang orang ramai juga bimbang tentang isu kenaikan harga dan kos sara hidup.

Itulah sebabnya kita perlu menguruskan penstrukturan semula ekonomi ini dengan berhati-hati, dan pemerintah akan melakukan apa sahaja yang kita mampu untuk memberikan sokongan semasa peralihan.

Tetapi yang penting, setiap daripada kita, sebagai ibu bapa, guru, rakan sekerja dan rakan-rakan, kita semua mesti melakukan peranan kita untuk mengiktiraf dan menghargai satu sama lain, dan memberikan maruah dan penghormatan kepada semua orang untuk kerja yang mereka lakukan.

Dalam kehidupan, memang sentiasa ada godaan untuk membandingkan diri dengan orang lain, untuk melihat siapa yang "lebih baik".

Sebahagian perbandingan ini boleh membantu mendorong persaingan yang sihat dan keinginan untuk belajar dan bertambah baik.

Tetapi kadangkala perbandingan itu didorong oleh tujuan yang salah dan dibentuk oleh keinginan untuk memperoleh status dan prestij sosial.

Kami melihatnya baru-baru ini apabila terdapat perdebatan media sosial mengenai beg mewah dan apa yang disifatkan sebagai "berjenama".

Jika anda tidak mengikuti perdebatan itu, pergilah ke dalam talian dan google "Charles dan Keith".

Tetapi ia juga dilihat dalam bidang lain.

Kami terus melihat ibu bapa yang memilih sekolah "berjenama" atau terkemuka, walaupun MOE (Kementerian Pendidikan) mengatakan "setiap sekolah adalah sekolah yang baik".

Kami terus melihat orang yang lebih suka pekerjaan "berjenama" yang kononnya memberikan status yang lebih tinggi dalam kehidupan; malah dalam satu industri, kadangkala terdapat persepsi tentang hierarki pekerjaan, dengan sesetengah bidang dianggap lebih berprestij daripada yang lain.

Saya harap keadaan berbeza. Tetapi saya seorang yang realistik. Saya tahu bukan mudah untuk mengubah pemikiran.

Tetapi kita semua harus cuba menghargai dan mengiktiraf satu sama lain. Kerana akhirnya, setiap orang berbeza; kita masing-masing dikurniakan anugerah dan bakat yang unik. Tidak perlu membandingkan dengan orang lain.

Satu-satunya perbandingan yang perlu kita buat ialah perbandingan dalaman – untuk memberi tumpuan kepada kehidupan kita sendiri; untuk terus belajar, mempertingkatkan diri dan; akhirnya, untuk menjadi versi diri kita yang lebih baik.

> "Jika tidak ditangani, kesemua cabaran yang telah saya gariskan secara ringkas boleh memberikan kesan yang tidak baik terhadap kompak sosial kita.
> Kita telah melihat hal ini berlaku di tempat-tempat lain – apabila para pekerja mendapati diri mereka ketinggalan, atau mereka berasakan sesuatu sistem itu tidak adil, maka perasaan dendam mula tersemat, perpaduan sosial mula berkecamuk.
> Dan kerana itulah pemerintah membuat kajian tentang apa yang boleh dilakukan untuk menangani perkara ini, dan memperkukuh impak sosial kita."
>
> **– Timbalan Perdana Menteri, Encik Lawrence Wong.**

Source: Berita Harian © SPH Media Limited. Permission required for reproduction.